

# Jaluma

Buletin Edisi 2/2012

Jawatankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi Awam di Malaysia



LB  
2326.3  
.B85

23 wakil IPTA sertai AGOP 2012



Hari Terbuka Pejabat Pendaftar  
UTHM



Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan  
Kreatif Peringkat IPTA kali ke-8



# Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka bantu jayakan Kursus Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran di UTeM



Menyedari kepentingan pengetahuan asas mengenai punca kejadian dan bahaya kebakaran di bangunan, Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Canselori dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik UTeM telah menganjurkan Kursus Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran Siri II/2012. Kursus telah diadakan mulai 24 – 25 April 2012 bertempat di Dewan Auditorium Canselori.

Program dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Melaka ini bertujuan untuk memberi pengetahuan asas teori dan amali tentang kaedah melawan dan memadam kebakaran serta pencegahan di bangunan.

Antaranya seperti Pemasangan Sistem Kebakaran, Kawad Hos, Kimia Kebakaran & Alat Pemadam Api, Teknik Menyelamat Mangsa dan Latihan Pengungsian Bangunan.

Peserta kursus yang terdiri daripada staf yang telah dilantik di bawah Jawatankuasa *Emergency Response Team (ERT)* di setiap Pusat Tanggungjawab.

Pelaksanaan kursus ini diharap menjadi satu agenda penting ke arah membina staf yang kompeten dan berkualiti dalam memastikan kelangsungan keselamatan dan kesihatan pekerjaan terjamin di UTeM.

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك



## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang UPNM 2011

Oleh : Mohd Faznor Akmar Faimi

Pada 12 April 2012 yang lalu, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah menganjurkan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi menghargai dan mengiktiraf kakitangan yang telah berkhidmat dengan cemerlang sepanjang tahun 2011.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UPNM, YBhg. Lt. Jen. Dato' Wira Allatif bin Mohd Noor.

Seramai 60 orang kakitangan yang terdiri daripada kakitangan akademik dan bukan akademik telah dipilih untuk menerima anugerah ini. Kejayaan yang dikecapi mereka diharap menjadi pemangkin kepada kakitangan lain untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dan penuh dedikasi dalam meningkatkan mutu perkhidmatan universiti.

